KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KPLB TERUS MELAKSANAKAN AMANAH DEMI LUAR BANDAR SEJAHTERA

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) seiring dengan Tekad Perkhidmatan Awam seperti mana dinyatakan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara pada 16 Ogos 2021, akan kekal komited melaksanakan amanah dan tanggungjawab memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan Negara.

KPLB termasuk jabatan dan agensi di bawahnya yang berurusan secara langsung dengan rakyat akan terus mendukung konsep *neutrality* dan *government of the day* dalam melaksanakan semua dasar yang telah diluluskan dengan penuh dedikasi.

Dalam memastikan kesejahteraan rakyat khususnya di luar bandar, KPLB juga akan tetap memainkan peranan utama membangunkan dan menjamin kesejahteraan masyarakat luar bandar terutama dalam mendepani impak pandemik COVID-19. Program-program *outreach* vaksinasi COVID-19 akan dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan bagi mencapai sasaran imunisasi kelompok di luar bandar.

Kesemua 1,165 program pembangunan untuk memulih dan merancakkan ekonomi di luar bandar akan diteruskan meliputi pembangunan infrastruktur, ekonomi dan pemerkasaan modal insan luar bandar melibatkan peruntukan sebanyak RM5.78B.

Warga KPLB juga akan sentiasa memastikan amanah terus dilaksanakan demi kesejahteraan rakyat khususnya di luar bandar seiring dengan moto Luar Bandar Sejahtera.

-Tamat-

YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Luar Bandar

17 Ogos 2021